



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 714

**AKTA SURUHANJAYA PENGANGKUTAN
AWAM DARAT 2010**

Tarikh Perkenan Diraja 1 Jun 2010

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 1 Jun 2010

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 714

AKTA SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT 2010

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

SURUHANJAYA

3. Penubuhan Suruhanjaya
4. Meterai perbadanan
5. Keanggotaan Suruhanjaya
6. Jadual
7. Kelulusan untuk memegang jawatan lain
8. Tempoh jawatan
9. Saraan dan elaun
10. Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan
11. Pengosongan jawatan
12. Penjalanan sementara fungsi Pengerusi
13. Jawatankuasa
14. Penzahiran kepentingan

BAHAGIAN III

FUNGSI DAN KUASA SURUHANJAYA

Seksyen

15. Fungsi Suruhanjaya
16. Kuasa Suruhanjaya
17. Perkiraan dengan Entiti Kerajaan
18. Tanggungjawab Entiti Kerajaan
19. Perwakilan fungsi dan kuasa Suruhanjaya
20. Arahan oleh Menteri
21. Penyata, laporan, akaun dan maklumat
22. Suruhanjaya boleh menubuhkan dan terlibat dalam pertubuhan perbadanan

BAHAGIAN IV

PEKERJA SURUHANJAYA

23. Ketua Pegawai Eksekutif
24. Penjalanan sementara fungsi Ketua Pegawai Eksekutif
25. Pelantikan pekerja Suruhanjaya
26. Syarat perkhidmatan
27. Pembayaran faedah persaraan, dsb.
28. Pinjaman, biasiswa dan wang pendahuluan

BAHAGIAN V

KEWANGAN

29. Kumpulan Wang Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat
30. Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang
31. Pemeliharaan Kumpulan Wang
32. Akaun bank
33. Kuasa untuk meminjam
34. Pelaburan
35. Batasan kontrak
36. Tatacara kewangan
37. Tahun kewangan

BAHAGIAN VI

AM

Seksyen

38. Pendakwaan
39. Pekhidmat awam
40. Perlindungan terhadap tindakan guaman dan prosiding undang-undang
41. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
42. Obligasi kerahsiaan
43. Perwakilan dalam prosiding sivil
44. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
45. Kuasa untuk mengambil kerja
46. Pengambilan kerja pekerja kerajaan
47. Perkara yang dilakukan pada menjangkakan Akta ini diperbuat

JADUAL

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 714

AKTA SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT 2010

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat ke arah mencapai pengangkutan awam darat yang selamat, boleh diharap, responsif, mudah diakses, cekap, terancang, bersepadu dan mapan, di samping memastikan penyediaan perkhidmatan yang mampu dibayar bagi pembawaan penumpang dan perkhidmatan yang bersaing bagi pembawaan barangan dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(3) Akta ini terpakai bagi Semenanjung Malaysia.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anggota” ertinya Pengerusi dan anggota lain Suruhanjaya yang dilantik di bawah seksyen 5;

“Entiti Kerajaan” ertinya—

- (a) Kerajaan Persekutuan, atau mana-mana Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Negeri atau kerajaan tempatan; dan
- (b) mana-mana kementerian, jabatan, pejabat, agensi, pihak berkuasa, suruhanjaya, jawatankuasa, lembaga, majlis atau badan lain, yang diperbadankan atau tidak diperbadankan, bagi Kerajaan Persekutuan, atau bagi mana-mana Kerajaan Negeri atau kerajaan tempatan, sama ada ditubuhkan di bawah undang-undang bertulis atau selainnya;

“jawatankuasa” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 13;

“kenderaan barangan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [*Akta 715*];

“kenderaan pelancongan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010;

“kenderaan perkhidmatan awam” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010;

“kereta api” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010;

“Ketua Pegawai Eksekutif” ertinya Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya yang dilantik di bawah seksyen 23;

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat yang ditubuhkan di bawah seksyen 29;

“Menteri” ertinya Perdana Menteri;

“Menteri Kewangan” ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi kewangan;

“orang kurang upaya” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Orang Kurang Upaya 2008 [*Akta 685*];

“pegawai dilantik” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010;

“pekerja” ertinya mana-mana orang yang diambil kerja oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 25, dan termasuklah Ketua Pegawai Eksekutif;

“pengangkutan awam darat” ertinya pengangkutan atas darat dengan cara pengangkutan penumpang awam darat dan pengangkutan barang awam darat, dan termasuklah perkhidmatan pengangkutan awam darat, terminal, kemudahan, rangkaian, sistem, pengendalian dan perkhidmatan lain yang berkaitan dengan pengangkutan sedemikian atau perkhidmatan pengangkutan awam darat;

“pengangkutan barang awam darat” ertinya pembawaan barangan atas darat dengan cara kenderaan barangan atau kereta api;

“pengangkutan penumpang awam darat” ertinya pembawaan penumpang, termasuk bagasi mereka, atas darat dengan cara kenderaan perkhidmatan awam, kenderaan pelancongan atau kereta api;

“pengendali berlesen” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Suruhanjaya yang dilantik di bawah seksyen 5;

“perkhidmatan pengangkutan awam darat” ertinya—

- (a) pembawaan penumpang dengan cara pengangkutan penumpang awam darat; dan
- (b) pembawaan barangan dengan cara pengangkutan barang awam darat;

“reka bentuk sejagat” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Orang Kurang Upaya 2008;

“Suruhanjaya” ertinya Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“tarikh yang ditetapkan” ertinya tarikh yang ditetapkan oleh Menteri di bawah subseksyen 1(2);

“undang-undang pengangkutan awam darat” ertinya Akta ini dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, dan termasuklah mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah undang-undang itu.

BAHAGIAN II

SURUHANJAYA

Penubuhan Suruhanjaya

3. (1) Suatu pertubuhan perbadanan dengan nama “Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat” ditubuhkan.

(2) Suruhanjaya hendaklah kekal turun-temurun dan boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas nama perbadanannya.

(3) Tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, Suruhanjaya boleh, atas apa-apa terma yang disifatkannya patut—

(a) membuat kontrak; dan

(b) berkenaan dengan apa-apa jenis harta alih dan tak alih dan kepentingan mengenai harta alih dan tak alih—

(i) memperoleh, membeli dan mengambil harta dan kepentingan itu; dan

(ii) memegang, menikmati, memindahhakkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaikan, mendemiskan, menyerahhakkan semula, memindahkan hakmilik, atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, harta dan kepentingan yang terletak hak pada Suruhanjaya.

Meterai perbadanan

4. (1) Suruhanjaya hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang mengandungi suatu tanda yang diluluskan oleh Suruhanjaya dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Suruhanjaya, suatu cap yang mengandungi perkataan “Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat” bolehlah digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai perbadanan Suruhanjaya.

(3) Meterai perbadanan itu hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya, dan hendaklah disahkan sama ada oleh Pengerusi atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Pengerusi secara bertulis.

(4) Segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai perbadanan itu dan disahkan dengan sewajarnya hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan telah disempurnakan dengan sah.

(5) Apa-apa surat ikatan, dokumen atau surat cara lain yang, jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak dikehendaki supaya dimeteraikan boleh disempurnakan mengikut cara yang serupa oleh seorang anggota Suruhanjaya atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya bagi pihak Suruhanjaya.

(6) Meterai perbadanan Suruhanjaya hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Keanggotaan Suruhanjaya

5. Suruhanjaya hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

(a) Pengerusi;

(b) Ketua Pegawai Eksekutif;

(c) tidak lebih daripada lima orang wakil Kerajaan; dan

- (d) tidak kurang daripada tiga orang tetapi tidak lebih daripada lima orang anggota lain yang pada pendapat Menteri mempunyai pengetahuan dan pengalaman dan menunjukkan keupayaan dan profesionalisme dalam perkara yang berhubungan dengan pengangkutan awam darat atau apa-apa kelayakan sesuai yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Jadual

6. (1) Peruntukan Jadual hendaklah terpakai bagi anggota Suruhanjaya.

(2) Menteri boleh meminda Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

Kelulusan untuk memegang jawatan lain

7. Seseorang anggota Suruhanjaya tidak boleh, semasa memegang jawatan itu, memegang apa-apa jawatan atau pekerjaan lain, sama ada yang dibayar saraan atau tidak, tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Menteri.

Tempoh jawatan

8. (1) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, seseorang anggota Suruhanjaya hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatannya atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan terlebih dahulu, memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan layak untuk dilantik semula.

(2) Seksyen ini tidak terpakai bagi Ketua Pegawai Eksekutif.

Saraan dan elaun

9. (1) Pengerusi hendaklah dibayar apa-apa saraan dan elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(2) Semua anggota lain Suruhanjaya hendaklah dibayar elaun pada apa-apa kadar yang ditentukan oleh Menteri.

Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan

10. (1) Menteri boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan mana-mana anggota Suruhanjaya.

(2) Seseorang anggota Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis kepada Menteri.

Pengosongan jawatan

11. Jawatan seseorang anggota Suruhanjaya hendaklah menjadi kosong—

- (a) jika dia mati;
- (b) jika dia telah disabitkan atas suatu kesalahan;
- (c) jika dia menjadi bankrap;
- (d) jika dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menunaikan kewajipannya;
- (e) dalam hal Pengerusi, jika dia tidak menghadiri mesyuarat Suruhanjaya tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran secara bertulis daripada Menteri; atau
- (f) dalam hal seseorang anggota Suruhanjaya selain Pengerusi, jika dia tidak menghadiri mesyuarat Suruhanjaya tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran secara bertulis daripada Pengerusi.

Penjalanan sementara fungsi Pengerusi

12. Menteri boleh melantik secara sementara mana-mana anggota Suruhanjaya, selain Ketua Pegawai Eksekutif, untuk bertindak sebagai Pengerusi selama tempoh apabila—

- (a) jawatan Pengerusi kosong;
- (b) Pengerusi tidak hadir bertugas atau tidak ada di Malaysia; atau
- (c) Pengerusi, kerana apa-apa sebab lain, tidak dapat melaksanakan kewajipan jawatannya.

Jawatankuasa

13. (1) Suruhanjaya boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya.

(2) Suruhanjaya boleh melantik mana-mana anggotanya untuk menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa.

(3) Suruhanjaya boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi anggota sesuatu jawatankuasa.

(4) Seseorang anggota jawatankuasa hendaklah memegang jawatan atas apa-apa syarat dan bagi apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam surat pelantikannya dan layak untuk dilantik semula.

(5) Suruhanjaya boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota sesuatu jawatankuasa.

(6) Seseorang pengerusi jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberikan notis secara bertulis kepada Suruhanjaya.

(7) Seseorang anggota jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberikan notis secara bertulis kepada pengerusi jawatankuasa itu.

(8) Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan atau mengubah keanggotaan sesuatu jawatankuasa.

(9) Sesuatu jawatankuasa boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

(10) Sesuatu jawatankuasa hendaklah tertakluk kepada, dan bertindak mengikut, apa-apa arahan yang diberikan kepadanya oleh Suruhanjaya.

(11) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa itu.

(12) Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan supaya—

- (a) minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan
- (b) salinan minit semua mesyuaratnya dikemukakan kepada Suruhanjaya dengan secepat yang dapat dilaksanakan.

(13) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuaratnya bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(14) Anggota sesuatu jawatankuasa dan mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (13) hendaklah dibayar apa-apa elaun dan belanja lain yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Penzahiran kepentingan

14. (1) Seseorang anggota Suruhanjaya atau mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 13 yang mempunyai atau memperoleh suatu kepentingan langsung atau tidak langsung sama ada dengan sendiri, menerusi anggota keluarganya atau menerusi sekutunya berhubung dengan apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Suruhanjaya atau jawatankuasa itu hendaklah menzahirkan kepada Suruhanjaya atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hakikat kepentingannya dan jenis kepentingan itu.

(2) Penzahiran di bawah subseksyen (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Suruhanjaya atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dalamnya perkara itu dibincangkan dan, selepas penzahiran itu, anggota itu—

- (a) tidak boleh hadir atau mengambil bahagian dalam mana-mana perbincangan atau keputusan Suruhanjaya atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengenai perkara itu; dan
- (b) tidak boleh dikira bagi maksud membentuk kuorum Suruhanjaya atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan,

apabila perkara itu dibincangkan atau diputuskan.

(3) Seseorang anggota Suruhanjaya atau jawatankuasa yang tidak menzahirkan kepentingannya sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(4) Tiada tindakan atau prosiding Suruhanjaya atau jawatankuasa boleh ditidaksahkan atas alasan bahawa mana-mana anggota Suruhanjaya atau jawatankuasa telah melanggar seksyen ini.

(5) Bagi maksud seksyen ini—

“anggota keluarganya”, berhubung dengan seseorang anggota Suruhanjaya atau jawatankuasa, termasuklah—

- (a) suami atau isterinya;
- (b) ibu atau bapanya (termasuk ibu atau bapa suami atau isterinya);
- (c) anaknya (termasuk anak angkat atau anak tiri);
- (d) adik-beradiknya (termasuk adik-beradik suami atau isterinya); dan
- (e) suami atau isteri anaknya atau adik-beradiknya; dan

“sekutu”, berhubung dengan seseorang anggota Suruhanjaya atau jawatankuasa, ertinya—

- (a) orang yang merupakan penama atau pekerja anggota itu;
- (b) firma yang anggota itu atau mana-mana penamanya merupakan seorang pekongsinya;
- (c) pekongsi anggota itu;
- (d) pemegang amanah sesuatu amanah yang di bawahnya anggota itu atau seorang anggota keluarganya ialah seorang benefisiari; atau
- (e) mana-mana perbadanan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*], yang anggota itu atau mana-mana penamanya atau seseorang anggota keluarganya ialah seorang pengarah atau mempunyai pemegangan syer yang substansial dalam perbadanan itu.

BAHAGIAN III

FUNGSI DAN KUASA SURUHANJAYA

Fungsi Suruhanjaya

15. Suruhanjaya hendaklah mempunyai segala fungsi yang diberikan kepadanya di bawah undang-undang pengangkutan awam darat dan hendaklah juga mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) untuk menasihati Menteri tentang segala perkara yang berhubungan dengan pengangkutan awam darat, termasuklah perkara yang berkaitan dengan penjalanan fungsinya di bawah undang-undang pengangkutan awam darat;
- (b) untuk menggalakkan, meningkatkan, memudahkan dan melaksanakan suatu pengangkutan awam darat yang selamat, boleh diharap, responsif, cekap, terancang, bersepadu dan mapan;
- (c) untuk menggalakkan, meningkatkan, memudahkan dan melaksanakan penyediaan perkhidmatan mampu dibayar bagi pembawaan penumpang oleh kenderaan perkhidmatan awam dan kereta api dan perkhidmatan yang bersaing bagi pembawaan barangan oleh pengangkutan barang awam darat;
- (d) untuk menasihati Menteri tentang dasar dan rancangan, termasuklah skim dan program berkenaan dengan pengangkutan awam darat dan membangunkan strategi yang selaras dengan dasar dan rancangan itu, termasuklah yang berhubungan dengan—
 - (i) penyediaan, pembangunan, penambahbaikan dan peluasan pengangkutan awam darat selaras dengan permintaan pengguna yang dijangka;
 - (ii) peningkatan keselamatan, kebolehharapan dan kecekapan perkhidmatan pengangkutan awam darat melalui perumusan, pelaksanaan dan pemantauan standard pencapaian minimum;
 - (iii) penggalakan dan penambahbaikan bagi penyelarasan, kesepaduan dan kebolehcapaian dalam sistem pengangkutan awam darat;

- (iv) rangka kerja yang bersaing berkenaan dengan pengadaan perkhidmatan pengangkutan awam darat; dan
 - (v) mekanisme pengurusan permintaan perjalanan;
- (e) untuk membantu Menteri dalam membangunkan suatu rancangan induk negara dan rancangan induk wilayah atau dokumen dasar atau rancangan lain yang diminta oleh Menteri dari semasa ke semasa, bagi pengangkutan awam darat dan mengkaji semula, menyemak dan jika berkenaan, melaksanakan mana-mana bahagian rancangan induk negara dan rancangan induk wilayah atau dokumen dasar atau rancangan lain itu yang termasuk dalam ruang lingkup fungsi dan kuasanya di bawah undang-undang pengangkutan awam darat dan membantu Menteri dalam memantau takat pelaksanaannya oleh Entiti Kerajaan yang lain yang menjalankan fungsi dan kuasa mereka di bawah undang-undang bertulis yang lain atau selainnya;
- (f) untuk menasihati Menteri tentang struktur atau mekanisme yang adil dan cekap bagi tambang yang dikenakan ke atas penumpang kenderaan perkhidmatan awam dan kereta api, yang mampu dibayar oleh penumpang dan adil kepada pengendali berlesen, dengan mengambil kira pertimbangan yang berkaitan, termasuklah standard dan kualiti perkhidmatan yang diberikan;
- (g) untuk menasihati Menteri tentang struktur atau mekanisme yang bersaing bagi pengangkutan barang awam darat, dengan mengambil kira pertimbangan yang berkaitan, termasuklah standard dan kualiti perkhidmatan yang diberikan dan daya maju pengendali;
- (h) untuk menyelia dan mengawal selia pengangkutan awam darat mengikut undang-undang pengangkutan awam darat;
- (i) untuk melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang pengangkutan awam darat;
- (j) untuk mengkaji semula undang-undang pengangkutan awam darat dan mana-mana undang-undang lain yang melibatkan pengangkutan awam darat dan membuat syor yang perlu kepada Kerajaan;

- (k) untuk menggalakkan, memudahkan, meningkatkan dan melaksanakan penggunaan teknologi baru bagi penambahbaikan prestasi dari segi alam sekitar atau pematuhan alam sekitar bagi pengangkutan awam darat dan mengawal selia penggunaan teknologi baru itu;
- (l) untuk menyiasat dan mengkaji semula kemalangan dan insiden kereta api mengikut dan tertakluk kepada fungsinya di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 dan mengambil apa-apa tindakan yang responsif yang difikirkannya sesuai;
- (m) untuk menjalankan siasatan mengenai, menjalankan tinjauan dan menyelidiki ke atas, mengumpul, menganalisis dan menyiarkan maklumat, statistik dan faktor yang mempengaruhi atau berkaitan dengan pembangunan atau penambahbaikan pengangkutan awam darat, termasuklah mengurangkan kesesakan jalan atau untuk menjalankan fungsi Suruhanjaya dengan lebih baik;
- (n) untuk memupuk dan menggalakkan kefahaman yang lebih baik bagi dasar, rancangan, strategi, skim dan program yang terkandung dalam rancangan induk pengangkutan awam darat yang diperihalkan dalam perenggan (e), sama ada secara sendirian atau bersesama dengan Entiti Kerajaan atau mana-mana orang lain;
- (o) untuk mengeluarkan garis panduan atau pekeliling berhubungan dengan pelaksanaan dan penguatkuasaan peruntukan undang-undang pengangkutan awam darat;
- (p) untuk mengesyorkan kepada Entiti Kerajaan yang berkaitan apa-apa dasar, undang-undang dan tindakan yang hendaklah diguna pakai oleh mereka bagi memudahkan pencapaian pengangkutan awam darat yang selamat, boleh diharap, responsif, cekap, terancang, bersepadu dan mapan;
- (q) untuk menasihati atau memberikan garis panduan atau syor kepada Entiti Kerajaan yang berkaitan berhubungan dengan persepadaan penggunaan tanah dan perancangan dan dasar pengangkutan awam darat;
- (r) untuk menggalakkan dan memudahkan pematuhan kemudahan, ameniti dan perkhidmatan pengangkutan awam darat dengan reka bentuk sejagat bagi memudahkan akses kepada kemudahan, ameniti dan perkhidmatan itu dan penggunaannya oleh orang kurang upaya;

- (s) untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diberikan kepada Suruhanjaya oleh undang-undang pengangkutan awam darat; dan
- (t) untuk menjalankan segala aktiviti dan membuat segala benda yang pada hemat Suruhanjaya diperlukan, berfaedah atau sesuai bagi maksud menjalankan atau yang berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah undang-undang pengangkutan awam darat.

Kuasa Suruhanjaya

16. (1) Suruhanjaya hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala benda yang perlu atau suai manfaat bagi, atau yang berkaitan dengan, pelaksanaan fungsinya di bawah undang-undang pengangkutan awam darat.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), kuasa Suruhanjaya hendaklah termasuk kuasa—

- (a) untuk menggunakan semua harta Suruhanjaya, alih dan tak alih, mengikut apa-apa cara yang difikirkan suai manfaat oleh Suruhanjaya termasuk menggadaijankan harta itu bagi pemerdatan pinjaman;
- (b) untuk mengenakan fi atau caj bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Suruhanjaya;
- (c) untuk melantik mana-mana ejen, pakar atau perunding yang difikirkannya patut untuk membantu Suruhanjaya dalam melaksanakan fungsinya;
- (d) untuk memberikan pinjaman dan biasiswa kepada pekerja Suruhanjaya bagi apa-apa maksud yang diluluskan oleh Menteri;
- (e) untuk merumuskan dan melaksanakan program bagi pelaksanaan fungsi Suruhanjaya dengan wajar dan berkesan, termasuklah program bagi pembangunan sumber manusia, pembiayaan dan kerjasama;
- (f) untuk bekerjasama dengan Entiti Kerajaan atau mana-mana pertubuhan perbadanan yang lain bagi maksud melaksanakan fungsi Suruhanjaya; dan
- (g) untuk melakukan apa-apa jua yang bersampingan dengan mana-mana fungsinya.

Perkiraan dengan Entiti Kerajaan

17. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Suruhanjaya boleh membuat perjanjian atau perkiraan dengan mana-mana Entiti Kerajaan berkenaan dengan—

- (a) perjalanan oleh Suruhanjaya dan Entiti Kerajaan itu akan apa-apa fungsi dan kuasa mereka masing-masing; atau
- (b) perjalanan atau pengadaan oleh Entiti Kerajaan itu, bagi pihak Suruhanjaya, apa-apa kerja atau perkhidmatan.

(2) Mana-mana perjanjian atau perkiraan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah—

- (a) dengan kebenaran Menteri dalam hal sesuatu Entiti Kerajaan Persekutuan;
- (b) dengan kebenaran Kerajaan Negeri masing-masing dalam hal sesuatu Entiti Kerajaan Negeri; dan
- (c) tertakluk kepada dan mengikut undang-undang yang mentadbirkan fungsi dan kuasa Entiti Kerajaan yang berkaitan.

Tanggungjawab Entiti Kerajaan

18. Menjadi tanggungjawab tiap-tiap Entiti Kerajaan untuk—

- (a) bekerjasama dengan dan membantu Suruhanjaya, termasuk memberikan apa-apa maklumat yang dalam kawalan mereka atau keupayaan mereka untuk memperoleh, sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya dan mana-mana pegawai dilantik dalam pelaksanaan fungsi Suruhanjaya dan perjalanan kuasa Suruhanjaya di bawah undang-undang pengangkutan awam darat; dan
- (b) jika berkaitan, merujuk dan menggunakan maklumat dan statistik yang disebarkan oleh Suruhanjaya dalam pelaksanaan fungsi Entiti Kerajaan itu dan dalam menjalankan kuasanya.

Pewakilan fungsi dan kuasa Suruhanjaya

19. (1) Suruhanjaya boleh, secara bertulis, mewakili mana-mana fungsi dan kuasanya di bawah undang-undang pengangkutan awam darat, kecuali kuasa untuk membuat perundangan subsidiari, kepada—

- (a) seorang anggota Suruhanjaya;
- (b) suatu jawatankuasa; dan
- (c) mana-mana pekerja Suruhanjaya.

(2) Mana-mana orang yang diwakilkan dengan fungsi atau kuasa sedemikian adalah terikat untuk mematuhi dan mengambil kira segala syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Suruhanjaya dan segala kehendak, tatacara dan perkara yang dinyatakan oleh Suruhanjaya.

(3) Mana-mana fungsi dan kuasa yang diwakilkan di bawah seksyen ini hendaklah dilaksanakan dan dijalankan atas nama dan bagi pihak Suruhanjaya.

(4) Pewakilan di bawah seksyen ini tidak menghalang Suruhanjaya daripada melaksanakan atau menjalankan sendiri mana-mana fungsi dan kuasa yang telah diwakilkan itu pada bila-bila masa.

Arahan oleh Menteri

20. (1) Suruhanjaya adalah bertanggungjawab kepada Menteri.

(2) Menteri boleh memberi Suruhanjaya arahan yang bersifat am, yang selaras dengan peruntukan undang-undang pengangkutan awam darat, yang berhubungan dengan pelaksanaan fungsi dan kuasa Suruhanjaya dan Suruhanjaya hendaklah melaksanakan arahan itu.

Penyata, laporan, akaun dan maklumat

21. (1) Suruhanjaya hendaklah memberi Menteri, dan mana-mana pihak berkuasa awam yang dinyatakan oleh Menteri, apa-apa penyata, laporan, akaun dan maklumat berkenaan dengan aktiviti dan kewangannya sebagaimana yang dikehendaki atau diarahkan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(2) Penyata, laporan, akaun dan maklumat itu hendaklah dalam apa-apa bentuk dan hendaklah mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan prosiding dan dasar Suruhanjaya dan apa-apa perkara lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

Suruhanjaya boleh menubuhkan dan terlibat dalam pertubuhan perbadanan

22. Suruhanjaya boleh, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, menubuhkan dan terlibat dalam mana-mana pertubuhan perbadanan bagi maksud meningkatkan standard tahap perkhidmatan yang berhubungan dengan pengangkutan awam darat atau bagi apa-apa maksud lain yang disifatkan perlu untuk menggalakkan pembangunan dan penambahbaikan pengangkutan awam darat.

BAHAGIAN IV

PEKERJA SURUHANJAYA

Ketua Pegawai Eksekutif

23. (1) Menteri hendaklah melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif atas apa-apa terma dan syarat, dan yang hendaklah dibayar apa-apa saraan dan elaun, yang difikirkannya wajar.

(2) Suruhanjaya hendaklah meletakhakkan pada Ketua Pegawai Eksekutif apa-apa kuasa dan mengenakan ke atasnya apa-apa kewajipan yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(3) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertanggungjawab bagi pentadbiran dan pengurusan fungsi dan hal ehwal hari ke hari Suruhanjaya pada keseluruhannya.

(4) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mempunyai kawalan am ke atas pekerja Suruhanjaya.

(5) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan lain yang diarahkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

(6) Dalam menunaikan kewajibannya, Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertindak di bawah kuasa dan mengikut arahan am Suruhanjaya.

(7) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah menjadi seorang pekerja Suruhanjaya.

Penjalanan sementara fungsi Ketua Pegawai Eksekutif

24. Menteri boleh melantik mana-mana pekerja Suruhanjaya untuk bertindak sebagai Ketua Pegawai Eksekutif semasa apa-apa tempoh apabila—

- (a) jawatan Ketua Pegawai Eksekutif kosong;
- (b) Ketua Pegawai Eksekutif tidak hadir bertugas atau tidak ada di Malaysia; atau
- (c) Ketua Pegawai Eksekutif, kerana apa-apa sebab lain, tidak dapat melaksanakan kewajipan jawatannya.

Pelantikan pekerja Suruhanjaya

25. Suruhanjaya boleh, dari semasa ke semasa, melantik dan mengambil kerja apa-apa bilangan pekerja yang difikirkannya wajar dan perlu dan atas apa-apa terma yang difikirkannya sesuai bagi menjalankan maksud undang-undang pengangkutan awam darat.

Syarat perkhidmatan

26. Suruhanjaya boleh, dengan kelulusan Menteri, menentukan syarat perkhidmatan pekerjaanya.

Pembayaran faedah persaraan, dsb.

27. Suruhanjaya boleh membuat perkiraan bagi pembayaran kepada pekerjaanya dan orang tanggungan mereka apa-apa faedah persaraan, pencen, ganjaran dan elaun lain yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Pinjaman, biasiswa dan wang pendahuluan

28. Suruhanjaya boleh memberikan pinjaman, biasiswa dan wang pendahuluan kepada pekerjaanya bagi apa-apa maksud dan atas apa-apa terma yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

BAHAGIAN V

KEWANGAN

Kumpulan Wang Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat

29. (1) Suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Kumpulan Wang Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat” ditubuhkan dan hendaklah ditadbirkan dan dikawal oleh Suruhanjaya.

(2) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada—

- (a) apa-apa wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa oleh Parlimen;
- (b) semua atau mana-mana bahagian fi lesen pengendali atau fi lain, caj pentadbiran atau caj lain yang dikenakan oleh atau yang kena dibayar kepada Suruhanjaya di bawah undang-undang pengangkutan awam darat;
- (c) semua wang yang diperoleh sebagai pendapatan daripada pelaburan yang dibuat oleh Suruhanjaya;
- (d) semua wang yang diperoleh daripada penjualan, pelupusan, pemajakan atau penyewaan, atau apa-apa urusan niaga lain mengenai, apa-apa harta, gadai janji, gadaian atau debentur yang terletak hak pada atau yang diperoleh oleh Suruhanjaya;
- (e) semua wang dan harta yang dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak pada Suruhanjaya berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsi dan kuasanya;
- (f) apa-apa kos yang dibayar kepada, atau didapatkan oleh, Suruhanjaya dalam mana-mana penyelesaian tindakan atau prosiding, sivil atau jenayah;
- (g) semua wang yang dipinjam oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 33; dan

- (h) semua wang lain yang diterima dengan sah oleh Suruhanjaya,

tetapi tidak termasuk wang atau jumlah wang yang kena dibayar kepada Kumpulan Wang Pengangkutan Awam Darat yang ditubuhkan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.

Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang

30. Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud yang berikut:

- (a) untuk membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan secara sah oleh Suruhanjaya;
- (b) untuk membayar saraan, elaun dan belanja lain anggota Suruhanjaya, anggota jawatankuasa dan pekerja Suruhanjaya, termasuk pemberian pinjaman, biasiswa dan wang pendahuluan, elaun persaraan, faedah persaraan, pencen, ganjaran dan faedah lain;
- (c) untuk membayar apa-apa belanja, kos atau perbelanjaan lain berhubungan dengan perolehan barangan dan perkhidmatan, termasuk pengambilan khidmat perunding, fi dan kos guaman dan fi serta kos lain, yang dilakukan atau diterima dengan sepatutnya oleh Suruhanjaya dalam pelaksanaan fungsinya dan perjalanan kuasanya di bawah undang-undang pengangkutan awam darat;
- (d) untuk membeli atau menyewa kelengkapan, jentera dan apa-apa bahan lain, memperoleh tanah dan apa-apa aset, dan membina bangunan, dan menjalankan apa-apa kerja dan usaha lain dalam pelaksanaan fungsinya atau perjalanan kuasanya di bawah undang-undang pengangkutan awam darat;
- (e) untuk membayar balik apa-apa wang yang dipinjam di bawah seksyen 33 dan bunga yang kena dibayar atas wang yang dipinjam itu; dan
- (f) secara amnya, untuk membayar apa-apa belanja bagi melaksanakan peruntukan undang-undang pengangkutan awam darat.

Pemeliharaan Kumpulan Wang

31. Menjadi kewajipan Suruhanjaya untuk memelihara Kumpulan Wang dengan melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini dengan sedemikian cara supaya dapat dipastikan bahawa jumlah hasil Suruhanjaya mencukupi untuk membayar semua jumlah wang yang boleh dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya kepada akaun hasilnya, termasuk susut nilai dan bunga atas modal dari setahun ke setahun.

Akaun bank

32. Suruhanjaya hendaklah membuka dan menyenggarakan akaun atau akaun-akaun dengan mana-mana bank atau bank-bank di Malaysia sebagaimana yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya.

Kuasa untuk meminjam

33. Suruhanjaya boleh, dari semasa ke semasa, meminjam dalam apa-apa bentuk dan atas apa-apa terma yang diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan, apa-apa wang yang diperlukan oleh Suruhanjaya bagi memenuhi mana-mana obligasinya atau bagi menunaikan mana-mana kewajipannya.

Pelaburan

34. Wang Suruhanjaya hendaklah, setakat yang tidak diperlukan untuk dibelanjakan dengan segera oleh Suruhanjaya di bawah Akta ini, dilaburkan mengikut apa-apa cara yang diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.

Batasan kontrak

35. Suruhanjaya tidak boleh, tanpa kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, membuat apa-apa kontrak yang di bawahnya Suruhanjaya dikehendaki untuk membayar atau menerima suatu amaun yang melebihi sepuluh juta ringgit.

Tatacara kewangan

36. Tertakluk kepada Akta ini dan kelulusan Menteri, Suruhanjaya hendaklah menentukan tatacara kewangannya sendiri.

Tahun kewangan

37. Tahun kewangan Suruhanjaya hendaklah bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

BAHAGIAN VI**AM****Pendakwaan**

38. (1) Suatu pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini tidak boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan secara bertulis daripada Pendakwa Raya.

(2) Mana-mana pekerja Suruhanjaya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pendakwa Raya boleh menjalankan pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini.

Pekhidmat awam

39. Semua anggota Suruhanjaya dan anggota mana-mana jawatankuasa, dan pekerja dan ejen Suruhanjaya, semasa menunaikan kewajipan mereka di bawah Akta ini sebagai anggota, pekerja atau ejen sedemikian, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Perlindungan terhadap tindakan guaman dan prosiding undang-undang

40. Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dibuat dalam mana-mana mahkamah terhadap—

(a) Suruhanjaya; atau

(b) mana-mana anggota Suruhanjaya atau anggota jawatankuasa, mana-mana pekerja atau ejen Suruhanjaya,

berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukannya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan yang ditinggalkan olehnya dengan suci hati, atas sifat sedemikian.

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

41. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Suruhanjaya atau terhadap anggota Suruhanjaya, anggota jawatankuasa, dan pekerja atau ejen Suruhanjaya berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan yang ditinggalkan olehnya dengan suci hati, atas sifat sedemikian.

Obligasi kerahsiaan

42. (1) Kecuali bagi apa-apa maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau jika selainnya dibenarkan oleh Suruhanjaya—

- (a) tiada anggota Suruhanjaya atau mana-mana jawatankuasanya atau mana-mana pekerja atau ejen Suruhanjaya atau mana-mana orang yang menghadiri mana-mana mesyuarat Suruhanjaya atau mana-mana jawatankuasanya, sama ada dalam atau selepas tempoh jawatan atau pekerjaannya, boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang didapatinya dalam penjalanan tugasnya dan yang tidak disiarkan menurut undang-undang pengangkutan awam darat; dan
- (b) tiada seorang lain pun yang, melalui apa-apa cara, mempunyai akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal Suruhanjaya boleh menzahirkan maklumat atau dokumen itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Pewakilan dalam prosiding sivil

43. Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain—

- (a) dalam mana-mana prosiding sivil oleh atau terhadap Suruhanjaya;
- (b) dalam mana-mana prosiding sivil terhadap mana-mana pekerja berhubung dengan pelaksanaan fungsinya di bawah undang-undang pengangkutan awam darat; atau
- (c) dalam mana-mana prosiding sivil yang lain yang dalamnya Suruhanjaya dikehendaki atau dibenarkan oleh mahkamah untuk diwakili, atau didengar, atau selainnya berhak untuk diwakili atau didengar,

mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya bagi maksud itu boleh, bagi pihak Suruhanjaya atau pekerja itu, memulakan prosiding sedemikian atau hadir dalam prosiding itu dan boleh membuat semua kehadiran dan permohonan dan melakukan semua perbuatan yang berkenaan dengan prosiding itu bagi pihak Suruhanjaya atau pekerja itu.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

44. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang suai manfaat atau perlu untuk melaksanakan sepenuhnya Akta ini atau untuk melaksanakan peruntukan Akta ini dengan lebih baik.

Kuasa untuk mengambil kerja

45. Suruhanjaya boleh mengambil kerja dan membayar ejen dan penasihat teknikal, termasuk peguam bela dan peguam cara, jurubank, perunding dan orang lain, untuk menguruskan apa-apa urusan atau untuk melakukan apa-apa perbuatan yang dikehendaki untuk diuruskan atau dilakukan pada melaksanakan fungsinya, perjalanan kuasanya atau bagi menjalankan maksud Akta ini dengan lebih baik.

Pengambilan kerja pekerja kerajaan

46. (1) Suruhanjaya hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, menerima ke dalam penggajiannya tiap-tiap orang yang sebaik sebelum tarikh itu berada dalam pengajian atau perkhidmatan—

(a) Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Semenanjung Malaysia; dan

(b) Jabatan Keretapi, Kementerian Pengangkutan,

yang telah diberi pilihan oleh Kerajaan Malaysia dan telah memilih untuk berkhidmat sebagai pekerja Suruhanjaya.

(2) Tiap-tiap orang sedemikian yang memilih di bawah subseksyen (1) untuk berkhidmat sebagai seorang pekerja Suruhanjaya hendaklah diambil kerja oleh Suruhanjaya atas terma dan syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada terma dan syarat perkhidmatan yang kepadanya dia berhak sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan.

(3) Sehingga terma dan syarat perkhidmatan pekerjaannya ditentukan oleh Suruhanjaya, skim dan terma dan syarat perkhidmatan pekerja Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Semenanjung Malaysia atau Jabatan Keretapi, Kementerian Pengangkutan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah terus terpakai bagi tiap-tiap orang yang diambil kerja oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (1).

Perkara yang dilakukan pada menjangkakan Akta ini diperbuat

47. Segala perkara yang dilakukan oleh mana-mana orang atau pihak berkuasa bagi pihak Suruhanjaya sebagai persediaan bagi dan ke arah pelaksanaan atau pentadbiran yang sepatutnya mana-mana peruntukan Akta ini, dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya, pada menjangkakan Akta ini diperbuat hendaklah disifatkan telah dibenarkan oleh Akta ini, dan segala hak yang diperolehi atau obligasi yang ditanggung bagi pihak Suruhanjaya daripada apa-apa yang dilakukan sedemikian hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, disifatkan sebagai hak dan obligasi Suruhanjaya.

JADUAL

[Seksyen 6]

Masa dan tempat mesyuarat

1. (1) Suruhanjaya hendaklah mengadakan seberapa banyak mesyuarat yang perlu bagi melaksanakan fungsinya dengan cekap dan mesyuarat itu hendaklah diadakan di mana-mana tempat dan pada bila-bila masa yang diputuskan oleh Pengerusi, dengan syarat bahawa Pengerusi tidak boleh membenarkan lebih daripada dua bulan berlalu antara mesyuarat.

(2) Pengerusi hendaklah memanggil mesyuarat jika diminta untuk berbuat demikian secara bertulis oleh Menteri atau oleh sekurang-kurangnya dua anggota Suruhanjaya.

Kuorum

2. Pengerusi dan sekurang-kurangnya separuh daripada anggota Suruhanjaya yang lain hendaklah membentuk kuorum bagi mana-mana mesyuarat Suruhanjaya.

Undi pemutus

3. Jika mengenai apa-apa persoalan yang hendak ditentukan oleh Suruhanjaya terdapat bilangan undi yang sama banyak, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus di samping undi biasanya.

Suruhanjaya boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat

4. (1) Suruhanjaya boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangtelitian Suruhanjaya bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi mana-mana orang yang hadir itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat atau pertimbangtelitian itu.

(2) Seseorang yang diundang di bawah subperenggan (1) hendaklah dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Minit

5. (1) Suruhanjaya hendaklah menyebabkan supaya minit kesemua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Minit mesyuarat Suruhanjaya, jika ditandatangani dengan sewajarnya, hendaklah, dalam mana-mana prosiding undang-undang, diterima sebagai keterangan *prima facie* mengenai fakta yang dinyatakan dalam minit itu tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Suruhanjaya yang berkenaan dengannya minit telah dibuat mengikut subperenggan (1) dan (2) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

Tatacara

6. Suruhanjaya boleh mengawal selia tataranya sendiri.

Kesahan perbuatan dan prosiding

7. Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) terdapat apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau terdapat apa-apa kecacatan dalam penubuhan, Suruhanjaya; atau
- (b) terdapat apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

Anggota hendaklah menumpukan masa kepada urusan Suruhanjaya

8. Anggota Suruhanjaya hendaklah menumpukan masa kepada urusan Suruhanjaya sebagaimana yang perlu untuk menunaikan kewajipan mereka dengan berkesan.